

PERANAN HUMOR DALAM HUBUNGAN ANTARA FAKTOR STRES KERJA,  
KESETIAAN ORGANISASI DAN KEINGINAN BERHENTI KERJA

MOHAMMAD SAIPOL BIN MOHD SUKOR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2018

## **DEDIKASI**

Tesis ini saya dedikasikan buat ayah dan ibu, Mohd Sukor bin Kook dan Delwin binti Abdul Bakap yang selama ini telah banyak memberikan dorongan dan galakan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Juga buat adik-beradik, ahli keluarga terdekat, guru-guru, pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan saya. Sesungguhnya pencapaian saya ke tahap ini adalah berkat doa restu serta sokongan daripada kalian semua. Segala jasa dan curahan bakti akan saya abadikan dalam sanubari buat selamanya. Semoga Allah merahmati kehidupan kalian hingga ke jannah.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, kajian ilmiah ini telah berjaya disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof Madya Dr Ishak bin Mad Shah selaku penyelia utama dan Prof Madya Dr Siti Aisyah binti Panatik @ Abdul Rahman selaku penyelia bersama yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat dalam usaha menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan juga turut diberikan kepada para penilai yang telah membantu memperbaiki dan melengkapkan lagi tesis ini.

Begitu juga kepada Kementerian Kesihatan Malaysia serta semua kakitangan kesihatan di Negeri Sabah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Terima kasih di atas segala kerjasama yang telah diberikan. Penghargaan juga turut diberikan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (*MyBrain15*) yang telah memberikan bantuan dari segi kewangan dalam kajian ini. Seterusnya kepada kakitangan Fakulti Pengurusan dan Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Teknologi Malaysia. Terima kasih di atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan

Jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta (Ayah, Ibu dan Adik-beradik) yang tidak jemu memberikan dorongan, semangat dan mendoakan kejayaan saya sepanjang tempoh pengajian saya. Teristimewa juga buat abang sepupu, Abdul Majid bin Maringkas yang telah menyumbang masa dan tenaga dalam kajian ini. Akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih di atas perkongsian ilmu dan bantuan semangat yang telah dihulurkan.

## ABSTRAK

Stres kerja ialah satu isu yang dipandang serius oleh organisasi kesihatan kerana kesannya terhadap tingkah laku pekerja di tempat kerja. Meskipun terdapat bukti daripada kajian-kajian lepas mengenai kesan stres kerja terhadap kesetiaan organisasi dan keinginan pekerja berhenti kerja, beberapa pengkaji menegaskan bahawa terdapat faktor lain yang mungkin mempengaruhi mekanisme stres kerja. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh faktor stres kerja (tuntutan kerja dan kawalan kerja) terhadap kesetiaan organisasi dan peranan humor sebagai penyederhana hubungan tersebut. Kajian ini juga mengenal pasti pengaruh faktor stres kerja terhadap keinginan pekerja berhenti kerja dan peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan tersebut. Selain itu, perbezaan faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan jawatan juga turut diuji. Pendekatan kajian ini ialah kuantitatif dengan reka bentuk kajian keratan rentas. Instrumen yang digunakan ialah Soal Selidik Kandungan Kerja, Soal Selidik Gaya Humor, Soal Selidik Kesetiaan Organisasi dan Soal Selidik Keinginan Berhenti Kerja. Sejumlah 340 orang staf kesihatan di beberapa buah hospital dan klinik kesihatan awam di negeri Sabah terlibat dalam kajian ini. Teknik analisis data seperti ujian-*t*, ANOVA sehalu, regresi berganda dan regresi berhierarki digunakan untuk menganalisis data. Didapati bahawa faktor stres kerja mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesetiaan organisasi dan keinginan pekerja berhenti kerja. Seterusnya, didapati humor *self-enhancing* adalah penyederhana yang signifikan dalam hubungan antara kawalan kerja dan kesetiaan organisasi. Manakala, humor *self-defeating* adalah penyederhana yang signifikan dalam hubungan antara tuntutan kerja dan kesetiaan organisasi. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa kesetiaan organisasi berperanan sebagai pengantara yang signifikan dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan pekerja berhenti kerja. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan faktor stres kerja, gaya-gaya humor, kesetiaan organisasi dan keinginan pekerja berhenti kerja berdasarkan faktor demografi. Dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada teori pengurusan stres dengan menyediakan bukti empirikal mengenai peranan humor sebagai penyederhana dan peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam mekanisme stres kerja. Berdasarkan dapatan ini, dicadangkan agar pihak pengurusan organisasi kesihatan perlu fokus kepada menguruskan faktor stres kerja dan menggalakkan humor *self-enhancing* di tempat kerja untuk meningkatkan kesetiaan organisasi dan mengurangkan keinginan pekerja berhenti kerja dalam kalangan staf kesihatan awam.

## ABSTRACT

Job stress is an issue that has been taken seriously by health organizations because of its effect on employees' behaviours at the workplace. Despite evidences from previous studies on the effects of job stress towards organizational loyalty and employees' intentions to quit, several researchers argued that there are other factors that may influence job stress mechanism. Therefore, this study was conducted to identify the influence of job stressors (job demand and job control) on organizational loyalty and the role of humor as the moderator of the relationship. This study also identified the influence of job stressors on employees' intentions to quit and the role of organizational loyalty as the mediator in the relationship. Besides that, variables differences of demographic factors such as gender, age, tenure, and job position were also examined. This study approach was quantitative with cross-sectional research design. The instruments used were Job Content Questionnaires, Humor Styles Questionnaires, Organizational Loyalty Questionnaires, and Intention to Quit Questionnaires. A total of 340 health staffs in several public hospitals and health clinics in the state of Sabah were involved in the study. Data analysis techniques such as t-test, one-way ANOVA, multiple regression and hierarchical regression were used to analyze the data. It was found that job stressors have significant influence on organizational loyalty and employees' intentions to quit. Furthermore, it was discovered that self-enhancing humor is a significant moderator in the relationship between job control and organizational loyalty. Whereas, self-defeating humor is a significant moderator in the relationship between job demand and organizational loyalty. Findings from this study revealed that organizational loyalty is a significant mediator in the relationship between job stressors and employee's intentions to quit. Results of the study showed that there are differences in terms of job stressors, humor styles, organizational loyalty and employees' intentions to quit based on demographic factors. Findings from this study contributed to the theory of stress management by providing empirical evidences of the moderating role of humor and the mediating role of organizational loyalty in job stress mechanism. Based on the findings, it is proposed that management of the health organizations should focus on managing job stressors and promoting self-enhancing humors at the workplace in order to increase organizational loyalty and reduce employees' intentions to quit among public health staffs.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Persoalan Kajian	16
	1.5 Matlamat Kajian	16
	1.6 Objektif Kajian	17
	1.7 Skop Kajian	17
	1.8 Kepentingan Kajian	19
	1.8.1 Kepentingan kepada Pengetahuan Ilmiah	19
	1.8.2 Kepentingan kepada Organisasi	21
	1.9 Definisi	23
	1.9.1 Stres Kerja	23
	1.9.2 Kesetiaan Organisasi	24

	1.9.3 Keinginan Berhenti Kerja	24
	1.9.4 Humor	24
	1.10 Rumusan	26
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>27</b>
	2.1 Pendahuluan	27
	2.2 Stres	27
	2.2.1 Latar belakang Kajian Awal mengenai Stres	28
	2.2.2 Konsep Umum mengenai Stres	30
	2.3 Stres Kerja	31
	2.3.1 Model Pengurusan dan Pencegahan Stres	32
	2.3.2 Model Proses Stres Kerja	36
	2.3.2.1 Faktor Stres Kerja	37
	2.3.2.2 Kesan Stres Kerja kepada Individu	39
	2.3.2.3 Kesan Stres Kerja kepada Organisasi	41
	2.3.3 Model Tuntutan dan Kawalan Kerja	42
	2.4 Humor	45
	2.4.1 Teori mengenai Humor	48
	2.4.1.1 Teori Kejanggalan	49
	2.4.1.2 Teori Superioriti	50
	2.4.1.3 Teori Kelegaan	52
	2.4.2 Gaya Humor	54
	2.4.2.1 Humor Afiliatif	54
	2.4.2.2 Humor <i>Self-enhancing</i>	55
	2.4.2.3 Humor Agresif	56
	2.4.2.4 Humor <i>Self-defeating</i>	56
	2.4.3 Humor di Tempat Kerja	58
	2.5 Kesetiaan Organisasi	62
	2.5.1 Teori Pertukaran Sosial	62
	2.5.2 Konsep dan Kepentingan Kesetiaan Organisasi	65
	2.6 Keinginan Berhenti Kerja	68
	2.6.1 Model Proses Berhenti Kerja	68
	2.6.2 Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Berhenti Kerja	70

2.7	Teori dan Model Asas Kajian	72
2.8	Kerangka Model Kajian	74
2.9	Pembentukan Hipotesis Kajian	75
2.9.1	Perbezaan Faktor Stres Kerja, Humor, Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Demografi	75
2.9.2	Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	82
2.9.3	Faktor Stres Kerja dan Keinginan Berhenti Kerja	84
2.9.4	Humor sebagai Penyederhana	86
2.9.5	Kesetiaan Organisasi sebagai Pengantara	92
2.10	Rumusan	95
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>96</b>
3.1	Pendahuluan	96
3.2	Reka bentuk Kajian	96
3.3	Unit Analisis	98
3.4	Populasi dan Persampelan	100
3.4.1	Populasi	100
3.4.2	Persampelan	100
3.5	Proses Pengumpulan Data	106
3.6	Instrumen Pengukuran	108
3.6.1	Bahagian A (Maklumat Demografi)	109
3.6.2	Bahagian B (Instrumen Faktor Stres Kerja)	109
3.6.3	Bahagian C (Instrumen Gaya Humor)	110
3.6.4	Bahagian D (Instrumen Kesetiaan Organisasi)	112
3.6.5	Bahagian E (Keinginan Berhenti Kerja)	113
3.7	Kesahan Instrumen	113
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	114
3.9	Pengumpulan Data Kajian	115
3.9.1	Fasa pertama (Kajian Rintis)	115
3.9.1.1	Kriteria Pengecualian Item	117
3.9.1.2	Kesahan Kandungan dan <i>Face</i>	117
3.9.1.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	120



3.9.2	Fasa kedua (Kajian Penuh)	121
3.9.2.1	Kesahan Konstruk	121
3.9.2.2	Kebolehpercayaan Instrumen	124
3.10	Kaedah Analisis Data	125
3.10.1	Statistik Deskriptif	125
3.10.2	Statistik Inferensi	128
3.10.2.1	Analisis Perbandingan Kumpulan Pemboleh ubah	129
3.10.2.2	Analisis Hubungan Sebab Akibat antara Pemboleh ubah	129
3.10.2.3	Analisis Kesan Penyederhana	131
3.10.2.4	Analisis Kesan Pengantara	134
3.11	Rumusan	136
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	<b>137</b>
4.1	Pendahuluan	137
4.2	Analisis Awal	137
4.2.1	Kenormalan	138
4.2.2	Kelinearan	140
4.2.3	Kemultikolinearan	141
4.2.4	Keseragaman Varian dan Unsur Luaran	143
4.3	Analisis Deskriptif	144
4.3.1	Ciri-Ciri Demografi Responden	144
4.3.2	Tahap Faktor Stres Kerja, Humor, Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Berhenti Kerja	145
4.4	Objektif Pertama: Mengenal pasti Perbezaan Faktor Stres Kerja, Humor, Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Faktor Demografi	147
4.4.1	Perbezaan Faktor Stres Kerja Berdasarkan Demografi	148
4.4.2	Perbezaan Gaya Humor Berdasarkan Faktor Demografi	150
4.4.3	Perbezaan Kesetiaan Organisasi Berdasarkan Faktor Demografi	154

4.4.4	Perbezaan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Faktor Demografi	156
4.5	Objektif Kedua: Mengenal pasti Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Kesetiaan Organisasi	158
4.6	Objektif Ketiga: Mengenal pasti Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Keinginan Berhenti Kerja	159
4.7	Objektif Keempat: Mengenal pasti Peranan Humor sebagai Penyederhana ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	161
4.7.1	Peranan Humor Afiliatif sebagai Penyederhana ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	162
4.7.2	Peranan Humor <i>Self-enhancing</i> sebagai Penyederhana ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	163
4.7.3	Peranan Humor Agresif sebagai Penyederhana ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	165
4.7.4	Peranan Humor <i>Self-defeating</i> sebagai Penyederhana ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	166
4.8	Objektif Kelima: Mengenal pasti Peranan Kesetiaan Organisasi Sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Keinginan Berhenti Kerja	168
4.9	Rumusan	170
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>173</b>
5.1	Pendahuluan	173
5.2	Perbezaan Faktor Stres Kerja, Humor, Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Pusing Ganti Kerja Berdasarkan Demografi	174
5.2.1	Perbezaan Faktor Stres Kerja Berdasarkan Jantina	174
5.2.2	Perbezaan Humor Mengikut Jantina dan Umur	175

5.2.3	Perbezaan Kesetiaan Organisasi Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	176
5.2.4	Perbezaan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Jantina dan Jawatan	177
5.3	Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Kesetiaan Organisasi	179
5.4	Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Keinginan Berhenti Kerja	181
5.5	Humor Sebagai Penyederhana bagi Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	183
5.5.1	Pengaruh Humor <i>Self-enhancing</i> ke atas Hubungan antara Kawalan Kerja dan Kesetiaan Organisasi	184
5.5.2	Pengaruh Humor <i>Self-defeating</i> ke atas Hubungan antara Tuntutan Kerja dan Kesetiaan Organisasi	186
5.6	Kesetiaan Organisasi sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Keinginan Berhenti Kerja	189
5.7	Implikasi Kajian	192
5.7.1	Implikasi Teoretikal	193
5.7.2	Implikasi Praktikal	197
5.8	Limitasi dan Cadangan	201
5.9	Rumusan	203
	<b>RUJUKAN</b>	<b>204</b>
	Lampiran A-G	253-267

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Premis Kesihatan yang Terlibat Mengikut Kluster	103
3.2	Saiz Sampel Mengikut Kluster	104
3.3	Responden Kajian	105
3.4	Pecahan Item Mengikut Faktor Stres Kerja	109
3.5	Pecahan Item Mengikut Gaya Humor	110
3.6	Tahap Konsistensi Dalaman	115
3.7	Responden Kajian Rintis	116
3.8	Penambahbaikan Terhadap Item Kajian	118
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen dalam Kajian Rintis	120
3.10	Kesahan Konstruk bagi Instrumen Stres Kerja	122
3.11	Kesahan Konstruk bagi Instrumen Gaya Humor	123
3.12	Kesahan Konstruk bagi Instrumen Kesetiaan Organisasi	123
3.13	Kesahan Konstruk bagi Instrumen Keinginan Berhenti Kerja	124
3.14	Kebolehpercayaan Instrumen dalam Kajian Sebenar	125
3.15	Ringkasan Analisis terhadap Objektif Kajian	136
4.1	Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Pemboleh ubah Kajian	138
4.2	Korelasi antara Faktor Stres Kerja dan Gaya Humor	142
4.3	Nilai <i>Tolerance</i> dan VIF untuk Faktor Stres Kerja dan Gaya Humor	142
4.4	Latar belakang Demografi Responden Kajian	145
4.5	Tahap Faktor Stres Kerja, Humor, Kesetiaan Organisasi dan Keinginan Berhenti Kerja	146
4.6	Perbezaan Faktor Stres Kerja Berdasarkan Jantina dan Umur	148
4.7	Perbezaan Faktor Stres Kerja Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	149

4.8	Perbezaan Gaya Humor Berdasarkan Jantina dan Jawatan	151
4.9	Perbezaan Gaya Humor Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	152
4.10	Jadual Post-hoc untuk Perbezaan Gaya Humor Berdasarkan Umur	153
4.11	Perbezaan Kesetiaan Organisasi Berdasarkan Jantina dan Jawatan	154
4.12	Perbezaan Kesetiaan Organisasi Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	155
4.13	Jadual Post-hoc Perbezaan Kesetiaan Organisasi Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	156
4.14	Perbezaan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Jantina dan Jawatan	157
4.15	Perbezaan Keinginan Berhenti Kerja Berdasarkan Umur dan Tempoh Perkhidmatan	157
4.16	Model Regresi Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Kesetiaan Organisasi	159
4.17	Model Regresi bagi Pengaruh Faktor Stres Kerja terhadap Keinginan Berhenti Kerja	160
4.18	Rumusan Model Regresi bagi Pengaruh Humor Afiliatif ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	162
4.19	Rumusan Model Regresi bagi Pengaruh Humor <i>Self-Enhancing</i> ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	163
4.20	Rumusan Model Regresi bagi Pengaruh Humor Agresif ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	165
4.21	Rumusan Model Regresi bagi Pengaruh Humor <i>Self-Defeating</i> ke atas Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	166
4.22	Rumusan Model Regresi bagi Peranan Kesetiaan Organisasi sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Faktor Stres Kerja dan Keinginan Berhenti Kerja	169
4.23	Ringkasan Dapatan Kajian Mengikut Hipotesis Kajian	170

## SENARAI GAMBAR RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Model Pengurusan Pencegahan Stres	33
2.2	Model Stres Kerja	36
2.3	Model Tuntutan-Kawalan Kerja	42
2.4	Model Organisasi Humor	61
2.5	Model Proses Berhenti Kerja	69
2.6	Hubungan Faktor Pengurusan Sumber Manusia dan Hasil Organisasi	71
2.7	Kerangka Model Kajian	74
3.1	Carta Aliran Proses Kajian	98
4.1	Gambar Rajah Histogram bagi Reja Regresi Terpiawai antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	139
4.2	Plot Kebarangkalian Normal bagi Reja Regresi Terpiawai antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	139
4.3	Plot Serakan bagi Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	141
4.4	Plot Serakan bagi Reja Regresi Terpiawai antara Faktor Stres Kerja dan Kesetiaan Organisasi	143
4.5	Graf Kesan Penyederhana bagi Humor <i>Self-Enhancing</i> ke atas Hubungan antara Kawalan Kerja dan Kesetiaan Organisasi	164
4.6	Graf Kesan Penyederhana bagi Humor <i>Self-Defeating</i> ke atas Hubungan antara Tuntutan Kerja dan Kesetiaan Organisasi	167
5.1	Model Akhir Kajian	192

**SENARAI SIMBOL**

$N$	-	Saiz Populasi/Bilangan Item
$n$	-	Saiz Sampel
$P$	-	Perkadaran Populasi
$d$	-	Darjah Ketepatan
$X^2$	-	Nilai Darjah Kebebasan
$\alpha$	-	Nilai Alfa Cronbach/ Nilai Kebolehpercayaan
%	-	Peratus
$M$	-	Nilai Min
$\sum X$	-	Hasil Tambah Semua Data
$S^2$	-	Nilai Sisihan Piawai
$y$	-	Unit Pemboleh ubah Terikat
$\beta_0$	-	Pintasan Pada Paksi Y
$\beta$	-	Nilai Beta/Kecerunan Garis Regresi
$x$	-	Unit Pemboleh ubah Bebas
$\epsilon_i$	-	Nilai Ralat Dalam Pengiraan

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Borang Soal Selidik Kajian.	253
B	Jadual Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	258
C	Jadual <i>Factor Loading</i>	259
D	Ujian Kenormalan	261
E	Ujian Kelinearan	263
F	Ujian Kehomokedastikan dan Unsur Luaran	264
G	Statistik Deskriptif	265
H	Daftar Penyelidikan	267



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Tindakan berhenti kerja merupakan isu yang tidak asing lagi dalam pengurusan sumber manusia. Banyak kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti punca masalah berhenti kerja yang boleh mengganggu produktiviti dan pencapaian keseluruhan organisasi (Appollis, 2010). Ianya merupakan langkah penting dalam usaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut dalam kalangan pekerja (Halifah, 2005). Antara punca utama yang mendorong organisasi untuk cenderung kehilangan pekerja ialah stres kerja (Masadeghrad, 2011). Pertubuhan Bangsa Bersatu telah melabel stres kerja sebagai 'wabak seluruh dunia' (Alter 2013). Hal ini kerana stres kerja telah dikenali sebagai antara cabaran global yang utama di abad ke-21 ini (Baba, 2012; Dewe, O'Driscoll & Cooper, 2010). Ianya dialami oleh semua pekerja dan tiada cara untuk pekerja mengelak dari menghadapinya di tempat kerja (Hansen, 2014). Meskipun stres kerja bukanlah suatu perkara baru dalam dunia pekerjaan, namun disebabkan oleh prosesnya yang kompleks, ianya masih menjadi topik yang rancak diperdebatkan dan dikaji secara nasional mahupun secara global (Hazell, 2010).

Menurut Fielder, Lewis dan Yarker (2011) stres kerja tidak memberi kebaikan malah hanya menyumbang kepada kerugian dan masalah (gangguan mental, fizikal, emosi dan tingkah laku) di tempat kerja. Namun hal tersebut disangkal oleh Zak (2012) yang menurutnya stres kerja juga boleh memberi kebaikan selagi mana ianya dikawal dan diuruskan dengan baik. Stres kerja yang terkawal boleh menyumbang kepada tindak balas stres yang positif seperti meningkatkan kesedaran, tumpuan dan daya

usaha ketika melakukan tugas, seterusnya menyumbang kepada komitmen, prestasi dan pencapaian kerja yang tinggi (Hargrove, Quick, Nelson, & Quick, 2011). Oleh yang demikian, mencari kaedah mengawal atau menyederhanakan persekitaran kerja yang stres adalah penting untuk kebaikan pekerja dan organisasi. Salah satu kaedah yang berpotensi digunakan untuk tujuan tersebut ialah dengan melalui humor.

Humor merupakan elemen sosial yang berfungsi serius dalam mempengaruhi keadaan emosi, kognitif dan tingkah laku manusia (Martin, 2007). Ianya merupakan alat yang paling ampuh digunakan ketika berhadapan dengan sebarang bentuk stres kerana berfungsi meredakan perasaan stres (McGhee, 2010). Humor menjadi satu bentuk kemahiran yang boleh membantu mengekalkan persekitaran kerja yang ceria, menguatkan hubungan sosial dan menggalakkan semangat kekitaan pekerja terhadap organisasi (Hester, 2010; Huang & Kuo, 2011). Hal ini menunjukkan humor berpotensi menyederhanakan kesan stres kerja terhadap kesetiaan organisasi. Bagi menguji potensi humor tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan penyederhana bagi humor ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi.

Kajian-kajian lepas mendapati peningkatan stres kerja akibat faktor tuntutan kerja, kawalan kerja dan konflik peranan boleh mengurangkan kesetiaan pekerja terhadap organisasi, seterusnya meningkatkan keinginan pekerja berhenti kerja (Alsaqri, 2014; Palmer, Cooper, & Thomas, 2001; Peterson, 2009; Yeh & Yu, 2009). Rentetan daripada penemuan tersebut, stres kerja telah difahamkan sebagai penyumbang secara tidak langsung kepada tindakan pekerja berhenti kerja pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, kesetiaan organisasi berpotensi menjadi pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Bagi menguji perkara tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan pengantara bagi kesetiaan organisasi dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Kajian ini penting untuk menjelaskan bagaimana nilai kesetiaan dalam diri pekerja boleh mempengaruhi keinginan berhenti kerja dalam kalangan pekerja yang sedang menghadapi faktor stres kerja yang tinggi.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap organisasi sentiasa berusaha menambah baik sistem dan polisi pengurusan agar menjadi lebih cekap dan berdaya saing pada masa akan datang (Gore, 2015). Usaha tersebut meliputi aspek penghasilan idea baru dan inovatif, menguruskan kewangan secara efektif, mengekalkan pekerja yang produktif dan meningkatkan produktiviti atau kualiti perkhidmatan tanpa mengurangkan kos pengurusan organisasi (Zafir & Fazilah, 2006). Kesungguhan dalam melakukan usaha-usaha tersebut menyebabkan keadaan persekitaran kerja semakin mencabar dan memberi tekanan. Hal ini menimbulkan pelbagai masalah di tempat kerja terutamanya dari aspek sumber tenaga kerja. Ianya sepertimana dijelaskan oleh Donald *et al.* (2005) bahawa ketidakpuasan kerja, prestasi menurun, tidak hadir kerja dan tindakan berhenti kerja merupakan masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan organisasi.

Satu kajian yang dijalankan oleh *Randstad World of Work* telah melaporkan bahawa setiap 7 daripada 10 orang pekerja di Malaysia mempunyai perancangan untuk berhenti kerja pada masa akan datang (Ekonomi, 2014). Ini bermakna kebanyakan pekerja dalam pelbagai sektor industri di Malaysia termasuk sektor kesihatan mempunyai kecenderungan untuk berhenti kerja dan mencari pekerjaan lain. Keinginan berhenti kerja merupakan indikator penting kepada kecenderungan organisasi untuk kehilangan pekerja (Omar, Halim, & Johari, 2013). Apabila ramai pekerja berhenti kerja, organisasi akan menanggung kos yang tinggi untuk mencari, merekrut dan melatih pekerja baru bagi menggantikan pekerja yang telah berhenti. Dianggarkan kos yang perlu ditanggung untuk menggantikan pekerja yang telah berhenti mencecah dua kali ganda daripada jumlah gaji tahunan pekerja tersebut (Borysenko, 2015). Ianya akan melemahkan prestasi pengurusan dan produktiviti organisasi, seterusnya boleh menyumbang kepada moral dan motivasi kerja yang rendah (Kokemuller, 2010; Tariq, Ramzan, & Riaz, 2013).

Keinginan berhenti kerja merujuk kepada kecenderungan pekerja untuk berfikir dan merancang meninggalkan organisasi atas pelbagai sebab. Antara sebab utama keinginan tersebut ialah faktor stres kerja. Pengkaji-pengkaji lepas bersetuju bahawa masalah keinginan berhenti kerja mempunyai perkaitan dengan faktor stres

kerja sama ada secara langsung atau tidak langsung (Dhar & Dhar, 2010; Jamal, 2011; Mosadeghrad, 2013). Faktor stres kerja boleh difahamkan sebagai apa-apa mekanisme pertukaran dan tuntutan di tempat kerja yang menyebabkan perubahan tindak balas pekerja. Ianya meliputi aspek seperti beban kerja berlebihan, konflik peranan, kekeliruan peranan, masalah pengurusan, kawalan kerja, konflik sesama rakan sekerja dan majikan (Blaug *et al.*, 2007; Cooper *et al.*, 2001). Kajian stres yang dijalankan oleh Persatuan Psikologi Amerika Syarikat telah menyenaraikan tiga faktor utama stres secara keseluruhan iaitu kerja, duit dan ekonomi (Seekers, 2013). Dalam masa yang sama, ketiga-tiga faktor tersebut wujud di tempat kerja. Ini bermakna majoriti punca stres bagi seseorang yang berkerjaya adalah berasal dari tempat kerja.

Kombinasi faktor stres kerja yang pelbagai mendorong peningkatan stres dalam kalangan pekerja. Kajian yang dijalankan oleh Regus (2012) mendapati bahawa stres kerja yang dialami oleh pekerja di seluruh dunia semakin meningkat saban tahun. Kajian tersebut yang melibatkan 20000 eksekutif kanan dari 95 buah negara termasuk Malaysia mendapati bahawa kebanyakan pekerja di Malaysia mengalami tahap stres kerja yang tinggi (Regus, 2012). Enam sektor pekerjaan yang berada dalam kedudukan teratas bagi tahap stres kerja di Malaysia ialah; polis, bomba, guru, jururawat, ahli farmasi, pegawai dan penolong pegawai perubatan (Nasaruddin & Faiz, 2011). Kajian tersebut menunjukkan bahawa pekerjaan dalam sektor kesihatan merupakan antara kerjaya yang stres di Malaysia. Keadaan ini berlaku kerana sektor kesihatan di negara ini tidak terkecuali daripada arus penambahbaikan pentadbiran negara yang mana menjadikan sektor kesihatan kekal dalam tekanan untuk memenuhi kehendak dan keperluan negara (KKM, 2011).

Negara Malaysia turut terkesan dengan cabaran ekonomi global sepertimana yang dialami oleh negara-negara lain di seluruh dunia. Keadaan tersebut memaksa kerajaan Malaysia untuk sentiasa menggandakan usaha mentransformasikan negara agar dapat mengekalkan pertumbuhan negara pada tahap yang terbaik (RMK-10, 2011). *Global Economic Prospects* (2015) mencadangkan bahawa antara langkah yang comprehensif untuk meningkatkan kadar pertumbuhan negara ialah dengan meningkatkan kemudahan infrastruktur dan keberkesanan sektor perkhidmatan awam. Langkah tersebut telah menjadi fokus utama kebanyakan negara termasuklah di

Malaysia. Justeru itu, perkhidmatan awam di Malaysia sedang mengalami proses transformasi yang secara tidak langsung mencabar keupayaan kakitangan awam untuk keluar daripada zon selesa dan membudayakan amalan kerja yang cemerlang. Kakitangan awam dituntut agar membudayakan pemikiran yang inovatif dan tingkah laku yang produktif sepanjang masa untuk mengekalkan prestasi dan integriti yang tinggi dalam bertugas (KKM, 2016). Salah satu sektor perkhidmatan awam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara ialah sektor kesihatan.

Sektor kesihatan berfungsi untuk mengembleng tenaga bagi menguruskan kesihatan rakyat dengan menyediakan perkhidmatan bercorak pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan (KKM, 2014). Fungsi dan matlamat tersebut didukung oleh kakitangan kesihatan yang terdiri daripada doktor, ahli farmasi, ahli fisioterapi, jururawat, pembantu perubatan, pegawai teknologi makmal dan staf-staf sokongan. Sehingga kini, sektor kesihatan awam di Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu yang boleh menjejaskan keupayaan fungsinya. Salah satu isu tersebut ialah persaingan dengan sektor kesihatan swasta.

Walaupun kewujudan sektor swasta merupakan pelengkap kepada sektor awam, namun sektor swasta turut memberi cabaran berikutan kemampuannya untuk menarik tenaga profesional daripada sektor awam (KKM, 2011). Tindakan sektor swasta menawarkan gaji yang lumayan menyebabkan ada dalam kalangan kakitangan sektor awam yang memilih untuk berpindah ke sektor swasta (Roslan, Hazilah, Filzaton, & Azahadi, 2014). Rentetan daripada itu, sektor awam cenderung mengalami masalah seperti kekurangan tenaga kerja pakar, ruang kerja yang terhad, beban tugas serta kos perbelanjaan kesihatan yang tinggi (KKM, 2011). Setiap tahun perbelanjaan kesihatan awam di Malaysia meningkat sebanyak 12-13%. (KKM, 2011). Antara faktor penyumbang peningkatan ini selain kenaikan kos rawatan ialah peningkatan kos pembangunan kerjaya. Ianya meliputi aspek merekrut, melatih dan mengekalkan pekerja yang dilaporkan menelan belanja hampir 1.7 bilion pada tahun 2013 (KKM, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa kos yang ditanggung untuk tujuan mencapai sumber tenaga kerja yang optimum adalah sangat tinggi dalam organisasi kesihatan.

Meskipun bilangan kakitangan kesihatan di Malaysia semakin bertambah, namun jumlah pesakit juga turut bertambah setiap tahun (Ayub, Bahari, & Baco, 2008). Justeru itu, lebih banyak kakitangan kesihatan diperlukan bagi memenuhi keperluan pesakit. Hal ini dibuktikan melalui statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai nisbah di antara kakitangan kesihatan awam dengan populasi di Malaysia iaitu 1: 633 untuk doktor, 1: 2949 untuk ahli farmasi, 1: 2374 untuk pembantu perubatan dan 1: 333 untuk jururawat (KKM, 2014). Nisbah tersebut menunjukkan bahawa kakitangan kesihatan cenderung berhadapan dengan jumlah pesakit yang ramai dalam satu-satu masa di tempat kerja. Bilangan pesakit yang ramai dengan kombinasi kekurangan kakitangan menandakan beban kerja semakin tinggi di tempat kerja (Ayub *et al.*, 2008). Selain peningkatan beban kerja, sektor kesihatan juga turut menghadapi perubahan sistem pengurusan organisasi. Ianya berlaku akibat peningkatan tuntutan ke atas kualiti penjagaan kesihatan, peningkatan tekanan ke atas pengurusan fasiliti awam, kewujudan pelbagai penyakit baru dan pertukaran teknologi (RMK-10, 2011). Perubahan pesat tersebut boleh menyumbang kepada perasaan stres serta keletihan emosi dan fizikal dalam kalangan kakitangan kesihatan (Johari, Shamsuddin, Idris & Hussin, 2013).

Di samping itu, kakitangan kesihatan juga sering terdedah dengan keadaan kerja yang merbahaya dan berisiko, sama ada dari aspek keselamatan, kesihatan dan gangguan emosi, fizikal ataupun mental. Hal ini sepertimana menurut Hazell (2010) bahawa penyediaan khidmat kesihatan amat mencabar emosi dan fizikal pekerja, kerana sering terdedah dengan penyakit berjangkit dan emosi negatif seperti kesedihan, kekecewaan, kebimbangan dan keletihan. Selain itu, pengendalian alatan mekanikal di hospital seperti mesin sinaran-X, *Ultrasound*, *Magnetic Resonance Imaging* (MRI), *Positron Emission Tomography* (PET), alat pensterilan, laser dan isotop radioaktif, boleh menyebabkan pekerja terdedah dengan sinaran merbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan pekerja sekiranya tidak mahir menggunakannya. Dalam masa yang sama, pekerja yang kurang sihat adalah lebih berisiko untuk terlibat dengan kemalangan di tempat kerja (KKM, 2008).

Secara ringkasnya, kewujudan pelbagai tugas (Mosadeghrad, 2013), pendedahan kepada pelbagai kes penyakit, kematian dan penderitaan pesakit (Jehangir, Kareem, Khan, Jan, & Soherwardi, 2011), pertambahan bilangan pesakit, pendedahan risiko kemalangan di tempat kerja (KKM, 2008), risiko kesalahan perubatan (Johari et al., 2013), amalan peralihan kerja, tugas rutin dan berulang-ulang (Abdullah, 2013) menjadikan persekitaran kerja dalam organisasi kesihatan adalah mencabar dan memberi tekanan. Rentetan daripada permasalahan tersebut, pengkaji-pengkaji lepas cuba meneroka keadaan tempat kerja dalam organisasi kesihatan. Hasilnya, mereka mendapati kakitangan kesihatan cenderung menghadapi stres kerja yang tinggi dan ianya memberi kesan negatif kepada pekerja (Idris, Dollard, & Winefield, 2009; Jamaluddin, 2011; Lai, 2011; Roslan *et al.*, 2014).

Antara kesan yang timbul akibat pendedahan kepada faktor stres kerja yang pelbagai ialah peningkatan risiko mengalami tekanan darah tinggi (Palmer *et al.*, 2001; WHO, 2008), masalah mental (Behar *et al.*, 1990; Prosser *et al.*, 1999), gangguan muskuloskeletal (Chung *et al.*, 2013; Cole *et al.*, 2009; Lipscomb, Trinkoff, Brown, & Brady, 2002) serta ketidakhadiran kerja termasuk cuti sakit dan cuti tanpa gaji dalam kalangan kakitangan kesihatan (Wang & Gupta, 2011). Menurut Allen (2011) faktor stres kerja merupakan penyumbang terbesar ketidakhadiran pekerja, mengatasi punca lain seperti masalah muskuloskeletal dan kecederaan fizikal. Dianggarkan 1 daripada 10 orang kakitangan kesihatan cenderung untuk mengambil cuti sakit atau tidak hadir kerja (Rugless & Taylor, 2011). Tindakan tersebut diambil sebagai usaha pekerja untuk mengelak atau mengurangkan stres yang dialami akibat faktor stres kerja. Selain itu, pekerja yang stres juga sering bertindak mengurangkan jam kerja, mengubah kaedah melakukan tugas dan yang lebih buruk lagi ialah meninggalkan tugas menjaga pesakit (Williams *et al.*, 2001). Mereka cenderung untuk tidak setia dengan organisasi (Yaghoubi *et al.*, 2009) dan berkeinginan tinggi untuk berhenti kerja (Klassen, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa faktor stres kerja berkait rapat dengan tindakan berhenti kerja. Dalam erti kata lain, faktor stres kerja boleh mengurangkan kesetiaan pekerja terhadap organisasi, seterusnya meningkatkan keinginan pekerja untuk berhenti kerja (Lin, Lin, & Cheng, 2013).

Secara keseluruhannya, faktor stres kerja mempengaruhi tingkah laku pekerja dalam organisasi dan hubungan pekerja dengan organisasi. Dalam jangka masa panjang, faktor stres kerja mampu memberi kesan negatif kepada prestasi, kecekapan, daya saing dan kelangsungan hidup sesebuah organisasi (WHO, 2004). Bagi mengurangkan kesan negatif tersebut, pelbagai kaedah telah disarankan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk menyederhanakan faktor stres kerja. Antaranya ialah melakukan pengubahsuaian kerja, menyediakan latihan pengurusan stres, teknik regangan otot, meditasi dan sesi kaunseling (LaMontagne & Keegel, 2012). Selain itu, terdapat juga cadangan agar organisasi kesihatan menjadikan humor sebagai intervensi di tempat kerja. Hal ini sepertimana menurut McGhee (2010) bahawa program latihan humor dalam organisasi kesihatan perlu dilaksanakan kerana humor membina hubungan sosial yang positif antara kakitangan kesihatan. Ianya juga merupakan intervensi yang efektif dalam memperbaiki tingkah laku negatif dalam kalangan kakitangan kesihatan (Hunt, 1993). Kajian oleh Christie dan Moore (2005) mendapati bahawa humor juga memberi kesan positif kepada sistem imun badan, serta menggalakkan perubahan biokimia yang memperbaiki tindak balas stres fizikal dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

Dalam masa yang sama, tindak balas stres fizikal yang positif mampu menggalakkan pekerja untuk kekal bekerja dalam organisasi, seterusnya mengurangkan keinginan pekerja untuk berhenti kerja (Balaban, 2011; Klassen, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa humor berhubungkait secara tidak langsung dengan kesetiaan organisasi. Perkaitan tersebut didasari oleh potensi humor dalam mengurangkan stres, mewujudkan suasana kerja yang positif, meningkatkan komunikasi berkesan di antara pekerja, meningkatkan kejelekitan dan membina semangat kekitaan pekerja terhadap organisasi (Besser *et al.*, 2012; Cruthirds, 2006; Dozois, Martin, & Bieling, 2009; Shirley, 2013). Dalam sektor kesihatan, humor merupakan elemen yang telah lama menjadi aspek penting dalam perkhidmatan kesihatan. Adamle dan Ludwick (2005) menjelaskan bahawa humor sering berlaku dalam organisasi kesihatan. Ianya kerap dilakukan oleh kakitangan kesihatan dan juga pesakit dalam interaksi harian mereka (Adamle & Ludwick, 2005).



Meskipun humor telah lama wujud dalam persekitaran kerja, namun pada awalnya idea mengenai humor di tempat kerja tidak dapat diterima oleh kakitangan kesihatan dan pesakit (McGhee, 2010). Mereka mempersepsikan bahawa organisasi kesihatan bukanlah tempat untuk berhibur dengan humor sebaliknya tempat untuk menyembuhkan penyakit. Namun setelah beberapa dekad kemudian, para pengkaji telah menyedari perubahan yang berlaku dalam organisasi kesihatan. Didapati semakin banyak ahli perubatan dan pihak pengurusan organisasi yang tertarik dengan fungsi humor dalam meredakan emosi pesakit dan masalah tingkah laku pekerja (McGhee, 2010). Ini bermakna kini para pekerja dan pesakit sudah mula menerima kehadiran humor dalam organisasi kesihatan. Justeru itu, adalah penting untuk perhatian serius diberikan mengenai fungsi humor di tempat kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan (Joshua, Cotroneo, & Clarke, 2005).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sumber manusia merupakan aset yang sangat penting dalam pembangunan organisasi (Zhang, 2010). Setiap organisasi sentiasa berusaha untuk memperolehi sumber manusia yang optimum agar kekal berdaya saing dalam mencapai matlamat organisasi (Oliver, 2012; Philips & Connell, 2003). Namun begitu, usaha tersebut tidak mudah dicapai kerana mencari dan mengekalkan pekerja merupakan isu yang paling mencabar dalam kebanyakan organisasi (Philips & Connell, 2003). Menurut Wharton (2012) setiap organisasi akan kehilangan pekerja dengan purata sebanyak 20 hingga 50 peratus setiap tahun akibat tindakan pekerja berhenti kerja. Dijangka hampir 76 peratus pekerja yang tidak aktif mencari pekerjaan lain akan meninggalkan organisasi apabila peluang kerja yang lebih baik tersedia (Grasz, 2016). Walaupun pekerja berhenti kerja disebabkan oleh banyak faktor, namun terdapat bukti penyelidikan yang konsisten yang menunjukkan bahawa tindakan berhenti kerja boleh dijelaskan melalui keinginan pekerja untuk berhenti kerja (Zhang & Lee, 2010). Ianya merupakan suatu niat atau fikiran yang tercetus apabila seseorang pekerja merasakan organisasi tidak lagi dapat memenuhi kehendak atau keperluan dalam hidup mereka (Zafir & Fazilah, 2011).

Keberkesanan sistem pengurusan organisasi boleh terganggu sekiranya ramai pekerja merancang untuk berhenti kerja. Justeru itu, keinginan berhenti kerja merupakan isu penting dalam organisasi yang memerlukan penerokaan dan penyelidikan yang mendalam dan berterusan. Meskipun, pemahaman terhadap faktor dan kesan keinginan berhenti kerja telah dikaji dengan meluas, namun kebanyakan kajian-kajian lepas lebih memfokuskan kepada hubungan langsung dan juga hanya melibatkan satu faktor sahaja dalam kajian tersebut (Zhang & Lee, 2010). Ianya menyebabkan kurangnya penjelasan literatur mengenai kombinasi faktor yang berbeza dalam menjelaskan keinginan pekerja untuk berhenti kerja. Menurut Firth, Mellor, Moole dan Loquet (2004) selain stres kerja, niat untuk berhenti sering dikaitkan dengan sikap dan kesetiaan pekerja terhadap organisasi.

Kesetiaan boleh didefinisikan sebagai kecenderungan melakukan tugas dengan bersungguh-sungguh, memberi sokongan terhadap organisasi dan berusaha mencapai matlamat organisasi (Zafir & Fazilah, 2011). Kesetiaan pada dasarnya merujuk kepada tiga perkara iaitu, penerimaan terhadap matlamat dan misi organisasi, kecenderungan melakukan aktiviti yang bermanfaat untuk organisasi dan kecenderungan untuk terus bekerja dalam organisasi (Goodarzi, 2012). Ketiga-tiga perkara tersebut merupakan aspek penting yang boleh mempengaruhi pencapaian organisasi. Meskipun kesetiaan organisasi boleh menyumbang kepada keberkesanan dan kelancaran sistem pengurusan organisasi, namun ianya sering diabaikan oleh kebanyakan organisasi kerana mereka lebih menumpukan kepada kualiti produk atau perkhidmatan (Arai, 1995) yang dijangka mempengaruhi kesetiaan pelanggan (Atiyah, 2016). Kajian empirikal yang mendedahkan mengenai kepentingan kesetiaan pekerja terhadap organisasi juga masih terhad (Antonova, 2016; Douglas, 2008; Subramani & Krishnaveni, 2013). Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang kajian tersebut dalam konteks kakitangan kesihatan. Ini kerana institusi kesihatan pada masa kini semakin berusaha meningkatkan kesetiaan dalam kalangan pekerja mereka (Aityan & Gupta 2012).

Usaha mengekalkan pekerja tidak mudah dicapai tanpa mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesetiaan organisasi. Antara faktor tersebut ialah stres kerja. Kajian-kajian lepas mendapati faktor stres kerja berhubungkait secara signifikan

dengan kesetiaan organisasi (Balaban, 2011; Lin *et al.*, 2013; Mutkins, Brown & Thorsteinsson, 2011; Palmer *et al.*, 2001). Dalam erti kata lain, faktor stres kerja yang tinggi boleh mengurangkan kesetiaan pekerja terhadap organisasi (Yaghoubi *et al.*, 2009). Meskipun perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut telah dibuktikan dalam literatur, namun ianya lebih memfokuskan kepada pekerjaan lain seperti pegawai teknologi maklumat (Lazim, 2012), kakitangan sektor media (Balaban, 2011), pegawai bank (Ismail, 2013) dan pekerja hotel (Hussain, 2013; Ineson *et al.*, 2013). Sebaliknya kajian empirikal terhadap peramal kesetiaan organisasi dalam konteks kakitangan kesihatan masih lagi terhad. Justeru itu, menimbulkan persoalan dalam kajian ini, sejauh manakah faktor stres kerja boleh mempengaruhi kesetiaan organisasi dalam kalangan kakitangan kesihatan?

Pada dasarnya, apabila pekerja semakin tidak setia kepada organisasi, pekerja tersebut semakin cenderung untuk berhenti kerja. Dalam sektor kesihatan, dianggarkan hampir 40% ahli perubatan di hospital awam di Malaysia berkeinginan tinggi untuk berhenti kerja (Roslan *et al.*, 2014). Antara kakitangan tersebut ialah pegawai perubatan, doktor pergigian, jururawat, pembantu pegawai perubatan dan pegawai farmasi (Roslan *et al.*, 2014). Menurut Williams dan Potts (2010) keinginan berhenti kerja yang tinggi adalah berkait rapat dengan kualiti perkhidmatan yang rendah dalam kalangan kakitangan kesihatan. Keadaan tersebut boleh menyumbang kepada ketidakpuasan dalam kalangan pesakit, menjejaskan integriti yang seterusnya mencemarkan imej organisasi kesihatan. Selain itu, kebanyakan kakitangan yang cenderung bertukar ganti kerja ke sektor swasta ialah kakitangan yang cekap dan berkemahiran tinggi (Omar, Ahmad, & Ismail, 2014;). Hal ini secara tidak langsung boleh menggugat keupayaan dan kredibiliti organisasi kesihatan awam dalam merawat pesakit, kerana sering menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja pakar.

Dalam usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah berhenti kerja dalam kalangan pekerja, pengkaji-pengkaji lepas telah meneroka punca masalah tersebut. Hasilnya, mereka mendapati keinginan berhenti kerja adalah berpunca daripada faktor stres kerja (Adebayo & Ogunsina, 2011; Applebaum, 2008; Duraisingam, Pidd, & Roche, 2009). Faktor stres kerja yang tinggi boleh menyebabkan keinginan berhenti kerja khususnya dalam kalangan kakitangan kesihatan semakin tinggi (Chiu, Chung,

Wu, & Ho, 2009; Liu & Onwuegbuzie, 2012). Meskipun terdapat bukti empirikal yang banyak mengenai perkaitan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja, namun kebanyakan kajian yang dijalankan hanya memfokuskan pengaruh faktor stres kerja secara keseluruhan. Oleh kerana terdapat banyak faktor stres kerja dengan pengaruh yang berbeza antara satu sama lain. Maka ianya menimbulkan persoalan dalam kajian ini, sejauh manakah dua faktor stres kerja yang utama di tempat kerja iaitu tuntutan kerja dan kawalan kerja, boleh mempengaruhi keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan?

Di sebalik peningkatan kajian mengenai stres kerja, pengkaji-pengkaji lepas lebih cenderung mengenal pasti hubungan langsung antara faktor dan kesan stres kerja (Dewe *et al.*, 2010). Menurut Adebayo dan Ogunsina (2011) terdapat kehadiran faktor lain yang boleh mempengaruhi magnitud hubungan antara faktor stres kerja dan tingkah laku pekerja dalam organisasi. Justeru itu, kajian lanjut perlu dijalankan bagi meneroka faktor-faktor tersebut. Ianya dijangka boleh memberi gambaran lengkap mengenai proses stres kerja dan berpotensi mencari penyelesaian masalah ketidaksetiaan pekerja terhadap organisasi. Hasil penelitian literatur yang telah dijalankan, didapati walaupun pengkaji lepas menyokong hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi (Reda & Ibtisam, 2008; Siew *et al.*, 2011; Nadia & Salwa, 2013), masih terdapat pengkaji yang menegaskan bahawa hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut adalah lemah (Chen, 2005; Chang, 2007; Michael, Courd & Petal, 2009). Ini bermakna terdapat sokongan yang kurang konsisten terhadap magnitud hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi. Bagi memahami hal tersebut dengan lebih mendalam, maka pengaruh pemboleh ubah penyederhana dikenal pasti dalam proses stres kerja. Hal ini kerana pemboleh ubah penyederhana berperanan dalam menjelaskan situasi yang dapat meningkatkan atau melemahkan hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi.

Dalam konteks kajian ini, humor dipilih sebagai pemboleh ubah penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi. Menurut Wheeler (2004) humor adalah salah satu kaedah efektif yang boleh digunakan untuk berhadapan dengan keadaan yang stres akibat tuntutan kerja yang tinggi dan kawalan kerja yang rendah. Keupayaan humor dalam membebaskan perasaan stres, marah,

takut dan bimbang boleh membina keadaan kerja yang ceria dan positif (Martin, 2007; Smuts, 2009). Ianya secara tidak langsung akan meningkatkan kejelekitan pekerja terhadap organisasi (Beck, 1997) dan mendorong pekerja mengekalkan pekerjaan mereka (Klein, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa humor berpotensi menyederhanakan hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi. Meskipun begitu, menurut Cascio dan Martin (2011) tidak semua humor adalah baik, kadangkala humor juga boleh memberi keburukan. Ini bermakna, humor boleh memberi pengaruh positif dan juga negatif dalam kehidupan manusia. Humor boleh terjadi dalam bentuk ejekan, sindiran atau cacian yang memberi keburukan kepada hubungan sosial antara individu (Vogler, 2011). Kurangnya kesedaran mengenai kesesuaian humor dan kesannya terhadap diri sendiri dan orang lain boleh menimbulkan konflik, menambahkan stres yang seterusnya meregangkan hubungan sosial antara individu (Cascio & Martin, 2011; Dozois *et al.*, 2009; Kuiper & McHale, 2009). Secara keseluruhannya, perbezaan pengaruh humor tersebut menunjukkan bahawa kajian perlu dijalankan terhadap gaya humor yang positif dan negatif. Hal ini bagi memastikan kebaikan humor dapat dimaksimumkan dan keburukan humor dapat diminimumkan di tempat kerja.

Walaupun pengkaji-pengkaji lepas menjelaskan bahawa humor boleh meredakan kesan stres, namun bukti empirikal yang menyokong perkara tersebut masih terhad. Ianya berikutan daripada kurangnya ketersediaan literatur yang menjelaskan fungsi dan peranan humor di tempat kerja (Peebles, 2015). Kekurangan tersebut menyebabkan kebanyakan pengurus atau majikan organisasi tidak menyedari kepentingan dan sumbangan humor di tempat kerja, khususnya dalam meredakan stres yang dialami akibat terdedah dengan faktor stres kerja dan menguatkan hubungan pekerja dengan organisasi. Adapun kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih menumpukan peranan humor sebagai pemboleh ubah bebas atau pengantara kajian, serta dijalankan dalam konteks pekerjaan dan kawasan kajian yang berbeza dengan kajian ini (Fitts *et al.*, 2009; Huang & Kuo, 2011; Jovanovic, 2011; Killian, 2004; Kuiper & McHale, 2009; Lang & Lee, 2010; Puderbaugh, 2006). Ianya menimbulkan persoalan dalam kajian ini, adakah humor berperanan sebagai penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi dalam kalangan kakitangan kesihatan?

Selain kesetiaan organisasi, stres kerja juga telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada keinginan berhenti kerja dan menjadi punca kebanyakan organisasi kehilangan pekerja (Alsaqri, 2014; Hazell, 2010; Price 2003). Di sebalik sokongan yang kuat mengenai hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja, masih terdapat pengkaji lepas yang menegaskan bahawa faktor stres kerja tidak semestinya menyebabkan seseorang pekerja bertindak meninggalkan pekerjaan mereka (Zhang & Lee, 2010). Sebagai contoh, kajian oleh Mosadeghrad (2013) mendapati faktor stres kerja menyumbang kepada peningkatan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan, namun begitu hasil kajian oleh Abdallah dan Ahmed (2013) mendapati kakitangan kesihatan kurang keinginan untuk berhenti kerja meskipun sedang menghadapi faktor stres kerja yang tinggi. Perbezaan dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja masih kurang konsisten.

Justeru itu, para pengkaji lepas cuba meningkatkan kefahaman mengenai variasi hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja dengan mengambil kira kehadiran pemboleh ubah lain dalam hubungan tersebut. Ianya bertujuan untuk mendapatkan penjelasan yang lengkap mengenai mekanisme hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Beberapa pengkaji lepas telah meneroka mengenai pemboleh ubah tersebut yang dijangka berperanan sebagai pengantara (Ahmad & Afgan, 2016; Bakhtiar, Zamri, Hashim, & Ismail, 2016; Kuo, Lin, & Li, 2013; Lu *et al.*, 2017). Dalam kajian ini, kesetiaan organisasi dipilih sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Berdasarkan kajian-kajian lepas, faktor stres kerja didapati boleh mempengaruhi kesetiaan organisasi (Antonova, 2016; Paoline & Lambert, 2012; Siew, Chitpakdee & Chontawan, 2011), dalam masa yang sama kesetiaan organisasi mempunyai perkaitan yang kuat dengan keinginan berhenti kerja (Yasmin & Marzuki, 2015; Parry, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa kesetiaan organisasi berpotensi menjadi pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Justeru itu, persoalan dalam kajian ini ialah adakah kesetiaan organisasi berperanan sebagai pengantara yang signifikan dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan awam?

Dalam mengkaji mengenai faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja, masih terdapat keperluan pengkaji untuk membuat penilaian dari sudut perbezaan demografi pekerja. Hal ini kerana tahap stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja berkemungkinan berbeza berdasarkan faktor demografi pekerja. Sebagai contoh kajian oleh Chou, Li dan Hu (2014) mendapati stres kerja lebih tinggi dalam kalangan kakitangan perempuan berbanding lelaki. Seterusnya, kajian oleh Abubakar, Chauhan dan Kura (2014) pula mendapati kakitangan yang muda lebih berkeinginan untuk berhenti kerja berbanding kakitangan yang telah berusia. Menurut Barnett (2007) mengkaji perbezaan pemboleh ubah kajian berdasarkan faktor demografi adalah sangat penting. Hal ini kerana, ianya menyediakan maklumat terperinci berdasarkan kumpulan demografi pekerja. Maklumat tersebut dapat membantu pihak organisasi untuk memberi tumpuan kepada golongan pekerja bermasalah dari segi tahap stres, kesetiaan dan keinginan berhenti kerja. Di samping itu, terdapat juga pengkaji-pengkaji lepas yang mencadangkan agar kajian lanjut dijalankan bagi mengisi jurang kajian mengenai perbezaan tingkah laku pekerja berdasarkan faktor demografi (Barnett, 2007; Hazell, 2010; Yaghoubi *et al.*, 2009). Oleh itu, kajian ini amat signifikan dijalankan untuk menjelaskan perbezaan tingkah laku kakitangan kesihatan berdasarkan faktor demografi.

Meskipun kajian-kajian telah dijalankan mengenai stres kerja khususnya dalam sektor kesihatan, namun tidak banyak kajian yang melibatkan kakitangan pembantu perubatan. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang kajian mengenai faktor dan kesan stres kerja dalam kalangan kakitangan pembantu perubatan yang berperanan penting dalam membantu menjalankan tugas-tugas pegawai perubatan. Kajian yang telah dijalankan oleh Roslan *et al.* (2014) serta Chou *et al.* (2017) menunjukkan bahawa pembantu perubatan juga tidak terkecuali daripada menghadapi stres kerja dan berkeinginan tinggi untuk berhenti kerja. Justeru itu, kajian berterusan perlu dijalankan dengan melibatkan kakitangan tersebut. Ianya bukan sahaja dapat mengenal pasti faktor stres kerja serta kesannya terhadap pembantu perubatan, malah boleh menyumbang kepada pembentukan intervensi pengurusan stres kerja yang boleh diaplikasikan terhadap kakitangan tersebut di tempat kerja.

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian ini, beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti dan ianya membawa kepada matlamat kajian ini dijalankan. Secara kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan sebab akibat antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi serta peranan humor sebagai penyederhana ke atas hubungan tersebut. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti hubungan sebab akibat antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja serta peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan tersebut.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah terdapat perbezaan faktor stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja berdasarkan faktor demografi (jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan jawatan) kakitangan kesihatan?
2. Adakah faktor stres kerja mempengaruhi kesetiaan organisasi?
3. Adakah faktor stres kerja mempengaruhi keinginan berhenti kerja?
4. Adakah humor berperanan sebagai penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi?
5. Adakah kesetiaan organisasi berperanan sebagai pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja?

#### **1.5 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini ialah untuk mengenal pasti peranan humor sebagai penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi. Kajian ini turut mengenal pasti peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Ianya bertujuan untuk menjelaskan potensi humor dalam menyederhanakan kesan stres kerja, serta potensi kesetiaan organisasi sebagai pengantara stres kerja yang seterusnya dapat membantu mengurangkan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan.



## 1.6 Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian dan menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan, beberapa objektif kajian telah dikenal pasti iaitu seperti berikut:

1. Mengkaji perbezaan faktor stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja berdasarkan faktor demografi (jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan jawatan) kakitangan kesihatan.
2. Mengetahui pasti pengaruh faktor stres kerja terhadap kesetiaan organisasi.
3. Mengetahui pasti pengaruh faktor stres kerja terhadap keinginan berhenti kerja.
4. Mengetahui pasti peranan humor sebagai penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi.
5. Mengetahui pasti peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada sektor kesihatan kerana berdasarkan kajian Regus (2012) pekerja dalam sektor kesihatan adalah antara pekerja yang stres di Malaysia. Penyediaan khidmat kesihatan telah dianggap sebagai salah satu tugas yang agak mencabar kerana melibatkan banyak pergerakan yang cepat dan memerlukan perhatian yang tinggi sepanjang masa di tempat kerja (Chou *et al.*, 2014). Ianya menyebabkan kakitangan kesihatan sering dikaitkan dengan tahap stres kerja dan keinginan berhenti kerja yang tinggi (Chiang & Chang, 2012; Roslan *et al.*, 2014). Justeru itu, kajian mengenai stres kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan adalah penting untuk meneroka kaedah yang boleh membantu kakitangan tersebut menghadapi dan menguruskan faktor stres kerja dengan baik dan mengurangkan keinginan mereka untuk berhenti kerja.

Kajian ini dijalankan di Negeri Sabah. Skop kajian ini tidak meliputi seluruh negeri di Malaysia kerana ianya memerlukan kos yang tinggi serta tempoh masa yang panjang untuk mengumpul data. Oleh itu, pengkaji memutuskan untuk memilih Negeri

Sabah iaitu negeri kedua terbesar di Malaysia sebagai kawasan kajian. Tambahan pula, kajian-kajian lepas yang dijalankan mengenai stres kerja dan keinginan berhenti kerja lebih banyak memfokuskan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia (Elias & Ismail, 2007; Jamaluddin, 2011; Lai, 2011; Omar *et al.*, 2013; Samad, 2006). Ianya menyebabkan ketersediaan literatur mengenai stres kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan di negeri Sabah masih terhad. Kajian yang dijalankan oleh Ayub *et al.* (2008) dan Aziz (2006) menunjukkan bahawa kakitangan kesihatan di Negeri Sabah juga tidak terkecuali daripada menghadapi stres kerja dan berkeinginan tinggi untuk berhenti kerja. Ianya menyebabkan masalah kekurangan kakitangan khususnya di kawasan pedalaman masih berlaku di negeri tersebut (Isa, 2010).

Antara kakitangan kesihatan yang terlibat dalam kajian ini ialah kakitangan jururawat dan pembantu perubatan. Kajian oleh Roslan *et al.* (2014) menunjukkan bahawa jururawat dan pembantu perubatan cenderung untuk menghadapi stres kerja yang tinggi dan berkeinginan untuk berhenti kerja. Ianya didorong oleh skop tugas bagi jawatan tersebut yang memerlukan pekerja terlibat secara langsung dalam berinteraksi dengan pesakit dan bertanggungjawab memberikan rawatan awal kepada pesakit. Walaupun berlainan jawatan, namun kakitangan jururawat dan pembantu perubatan mempunyai parameter kerja yang hampir sama kerana bertugas dalam persekitaran kerja yang sama, merupakan staf profesional di barisan hadapan dalam merawat pesakit, kebanyakan kakitangan mempunyai gred jawatan yang sama U29, telah menjalani latihan atau kursus untuk meningkatkan tahap kecekapan dan kemahiran, berperanan memberikan maklumat kesihatan kepada masyarakat khususnya pesakit dan purata tahap pendidikan ialah diploma (KKM, 2014).

Kajian ini memfokuskan kepada empat faktor demografi kakitangan kesihatan iaitu jantina, umur (20 hingga 40 tahun ke atas), tempoh perkhidmatan (kurang 5 tahun hingga lebih 20 tahun) dan jawatan (pembantu perubatan dan jururawat). Terdapat pengkaji-pengkaji lepas yang menguji kepentingan faktor-faktor demografi tersebut dalam menjelaskan mengenai perbezaan tahap faktor stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja (Chaturvedi, 2010; Kim, Kim, Jang & Bae, 2016; Martin *et al.*, 2003; Mosadeghrad, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa faktor-faktor demografi tersebut boleh menggambarkan kepelbagaian latar belakang pekerja

dan menjelaskan perbezaan tingkah laku pekerja di tempat kerja. Secara keseluruhannya, kajian ini mengenal pasti perkaitan antara faktor stres kerja (tuntutan kerja dan kawalan kerja), humor (afiliatif, *self-enhancing*, agresif dan *self-defeating*), kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan awam di Negeri Sabah.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

### **1.8.1 Kepentingan kepada Pengetahuan Ilmiah**

Kepentingan kajian ini dalam aspek pengetahuan ilmiah boleh dikenal pasti berdasarkan enam perkara. Pertama, kajian ini penting untuk mengisi jurang kajian dalam literatur mengenai hubungan sebab akibat antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi dalam kalangan kakitangan kesihatan. Kajian ini menjelaskan bagaimana dua faktor stres kerja iaitu tuntutan kerja dan kawalan kerja boleh menentukan kesetiaan pekerja terhadap organisasi. Ianya menyediakan maklumat kepada pengkaji akan datang untuk membina model stres kerja dengan menjadikan kesetiaan organisasi sebagai aspek tingkah laku pekerja yang terkesan dengan faktor stres kerja.

Kedua, kajian ini penting untuk mengisi jurang kajian mengenai fungsi dan peranan humor di tempat kerja khususnya dalam organisasi kesihatan. Kajian ini menyediakan bukti empirikal terhadap cadangan pengkaji-pengkaji lepas bahawa humor berperanan sebagai penyederhana stres (Abel, 2010; Capps, 2006; Dikkers *et al.*, 2011; Martin, 2004). Melalui kajian ini, peranan humor sebagai penyederhana stres kerja akan dapat dibuktikan secara empirikal dan spesifik. Ianya boleh menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji dalam bidang stres kerja untuk menjelaskan peranan humor dalam hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi.

Ketiga, kajian ini juga penting dalam meningkatkan pemahaman mengenai peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Kajian ini menguji sejauh mana faktor tuntutan kerja dan kawalan kerja berhubungkait secara tidak langsung dengan keinginan berhenti kerja. Dalam erti kata lain, kajian ini akan menjelaskan bagaimana kesetiaan organisasi mampu menyebabkan perubahan dalam hubungan antara faktor dan kesan stres kerja. Ianya merupakan suatu nilai tambah yang penting dalam penyelidikan ilmiah kerana didapati masih terdapat perbezaan hasil kajian-kajian lepas mengenai perkaitan langsung antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja (Chiang & Chang, 2012; Chiu *et al.*, 2009; Omar *et al.*, 2014; Peterson, 2009).

Keempat, kepentingan kajian ini ialah menerusi penghasilan instrumen versi Bahasa Melayu untuk mengukur stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja. Instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diperolehi daripada pengkaji-pengkaji luar negara yang menggunakan Bahasa Inggeris (Karasek *et al.*, 1998; Martin, Dorris, Larsen, Gray, & Weir, 2003; Mobley, 1977; Mowday, Steers, & Porter 1979). Justeru itu, proses alih bahasa dijalankan untuk menghasilkan instrumen versi Bahasa Melayu. Ianya bagi memastikan kesemua responden kajian memahami maksud setiap item kajian dengan lebih mudah dan jelas. Dalam masa yang sama, instrumen-instrumen tersebut boleh digunakan oleh pengkaji akan datang untuk penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan pekerja di Malaysia.

Kelima, kajian ini turut menambah satu item yang dibina khas untuk mengukur kesetiaan organisasi. Item tersebut dibina berdasarkan definisi konsep daripada pengkaji-pengkaji lepas mengenai kesetiaan organisasi (Al-Zu'bi, 2014; Chang & Lu, 2007; Douglas, 2008; Lu, Siu, & Lu, 2009; Tornikoski, 2011). Penambahan item tersebut memberi kesan positif terhadap nilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen asal mengenai kesetiaan organisasi (Rujuk Bab 3). Justeru itu, ianya boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji akan datang untuk mengukur kesetiaan organisasi dalam kalangan pekerja.

Keenam, kajian ini menambahkan rujukan ilmiah mengenai perbezaan stres kerja, humor, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja berdasarkan faktor demografi kakitangan kesihatan. Kajian ini memberi pendedahan kepada pengkaji akan datang darihal kepentingan memahami perbezaan individu dalam menghadapi stres kerja dan bertingkah laku humor di tempat kerja. Kajian ini turut menjelaskan perbezaan kecenderungan pekerja untuk setia kepada organisasi dan keinginan pekerja untuk berhenti kerja. Dapatan kajian ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada pembinaan model yang komprehensif mengenai proses stres kerja dan boleh diaplikasikan dalam kalangan kakitangan kesihatan awam.

### **1.8.2 Kepentingan kepada Organisasi**

Kajian ini penting kepada organisasi kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan atas lima sebab. Pertama, menyediakan maklumat mengenai perbezaan stres kerja, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja berdasarkan faktor demografi kakitangan kesihatan. Maklumat ini boleh membantu pihak pengurusan organisasi dalam mengenal pasti kakitangan yang paling kerap menghadapi stres kerja. Ianya agar intervensi pengurusan stres kerja dapat diberikan kepada golongan pekerja yang lebih memerlukannya, seterusnya dapat mengurangkan masalah ketidaksetiaan dan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan dengan lebih berkesan.

Kedua, kajian ini dapat membantu pihak organisasi mengenal pasti dua faktor stres kerja yang akan menentukan kecenderungan pekerja meninggalkan organisasi. Faktor tersebut ialah tuntutan kerja dan kawalan kerja. Mengenal pasti dan mengawal faktor-faktor tersebut adalah penting bagi mengelak sebarang kerugian dialami akibat tindakan pekerja berhenti kerja dan melakukan pekerjaan lain. Hal ini kerana memahami penyebab kepada berhenti kerja merupakan langkah penting dalam mencari jalan atau kaedah untuk mengurangkannya (Cordero, 2009). Justeru itu, dapatan kajian ini memberi pendedahan kepada pihak organisasi darihal kepentingan menyediakan persekitaran kerja yang kurang stres. Iaitu dengan menyesuaikan beban kerja yang ditanggung dengan keupayaan pekerja mengawal tugas yang dilakukan.

Ketiga, kajian ini penting dalam meneroka keadaan yang mempengaruhi hubungan faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi, serta mekanisme hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Kajian ini mengenal pasti peranan humor sebagai penyederhana serta peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam mekanisme stres kerja. Dapatan kajian ini akan memberi pendedahan kepada pihak pengurusan organisasi mengenai sejauh mana penggunaan humor boleh menggalakkan pekerja untuk setia kepada organisasi, seterusnya menyebabkan pekerja kurang merancang untuk berhenti kerja pada masa akan datang.

Keempat, kajian ini mengenal pasti pengaruh empat gaya humor ke atas hubungan antara faktor stres kerja, kesetiaan organisasi dan keinginan berhenti kerja. Penemuan kajian ini boleh memberikan pemahaman yang jelas kepada ketua, pengurus mahupun penyelia dalam organisasi kesihatan, mengenai gaya humor yang positif dan juga negatif di tempat kerja. Ianya memberi pendedahan kepada pihak organisasi mengenai kepentingan membina suasana kerja yang lebih ceria dan bersemangat dengan cara menggalakkan penggunaan humor positif yang memberi kebaikan kepada pekerja.

Kelima, kajian ini membantu pihak pengurusan organisasi untuk memahami sejauh manakah stres kerja boleh menyumbang kepada ketidaksetiaan dan keinginan berhenti kerja dalam kalangan kakitangan kesihatan. Ianya merupakan langkah penting dalam menyusun strategi atau kaedah pengurusan modal insan yang lebih efektif untuk kemajuan organisasi kesihatan. Dengan strategi tersebut, pihak pengurusan boleh mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam sistem pengurusan organisasi. Seterusnya, mengubah suai sistem pengurusan yang sedia ada agar ianya tidak lagi menjejaskan keupayaan organisasi memperolehi sumber tenaga kerja yang optimum dan membantu organisasi menjadi lebih berdaya saing pada masa akan datang.

## 1.9 Definisi

### 1.9.1 Stres Kerja

Terdapat tiga pendekatan utama dalam mendefinisikan stres kerja. Pendekatan pertama memfokuskan kepada rangsangan, faktor persekitaran atau daya luaran yang dikenakan terhadap seseorang pekerja (Beehr & Newman, 1978; Harris, Saltstone, & Fraboni, 1999; Ibrahim, 2013). Pendekatan kedua pula memfokuskan kepada tindak balas psikologikal (perasaan stres, murung dan bimbang) dan fizikal terhadap rangsangan persekitaran (Applebaum, 2008; Bailey, 2006; Duraisingam *et al.*, 2009). Seterusnya, pendekatan ketiga memfokuskan kepada interaksi antara ransangan persekitaran dengan tindak balas stres (Dewe *et al.*, 2010; Lazarus & Folkman, 1984).

Dalam kajian ini, stres kerja didefinisikan dengan berdasarkan pendekatan pertama iaitu merujuk kepada keadaan persekitaran kerja yang wujud disebabkan oleh dua faktor iaitu tuntutan kerja dan kawalan kerja.

- **Tuntutan kerja** adalah semua aspek tugas yang memerlukan daya usaha fizikal dan psikologikal pekerja secara berterusan di tempat kerja. Ianya merupakan pemboleh ubah yang mengukur aspek tuntutan fisiologikal seperti beban kerja, faktor masa dan konflik tugas.
- **Kawalan kerja** adalah potensi yang ada pada pekerja untuk mengawal dan menentukan bagaimana tugas perlu dilakukan. Ianya merupakan pemboleh ubah yang mengukur aspek kemahiran kerja dan darjah kebebasan membuat keputusan terhadap tugas.

### **1.9.2 Kesetiaan Organisasi**

Kesetiaan organisasi merupakan norma atau budaya kerja yang terbentuk hasil daripada proses sosialisasi masyarakat seperti perasaan kejelekitan dan semangat kekitaan (Meyer & Allen, 1991). Selain itu, kesetiaan organisasi juga merujuk kepada kecenderungan pekerja untuk mengekalkan pekerjaannya atau membina hubungan yang berpanjangan dengan organisasi (Douglas, 2008; Tornikoski 2011). Ianya merupakan salah satu bentuk kekuatan yang ada dalam diri pekerja untuk berusaha memajukan organisasi walaupun berada dalam keadaan yang stres (Lu *et al.*, 2009). Ianya juga boleh merujuk kepada kerelaan pekerja untuk berkorban masa dan tenaga demi kebaikan organisasi (Al-Zu'bi, 2014). Dalam kajian ini, kesetiaan organisasi merujuk kepada tingkah laku pekerja untuk berusaha memajukan organisasi dan meneruskan pekerjaannya dalam organisasi.

### **1.9.3 Keinginan Berhenti Kerja**

Mobley (1977) mengkonsepsikan keinginan berhenti kerja sebagai salah satu elemen dalam proses berhenti kerja. Ianya meliputi dua perkara utama, pertama timbulnya hasrat atau fikiran pekerja untuk berhenti kerja. Kedua, pekerja berkeinginan mencari pekerjaan lain yang lebih baik (Dion, 2006; Kim, Price, Mueller, & Watson, 1996). Dalam kajian ini, keinginan berhenti kerja merujuk kepada kecenderungan pekerja berfikir atau merancang untuk berhenti kerja dan mencari pekerjaan lain pada masa akan datang.

### **1.9.4 Humor**

Pengkaji-pengkaji lepas telah mendefinisikan humor dengan konsep yang berbeza. Martin *et al.* (2003) telah mengkonsepsikan humor berdasarkan perbezaan ciri-ciri tingkah laku jenaka yang dilakukan. Ianya dibahagikan kepada dua kategori iaitu humor adaptif (afiliatif dan *self-enhancing*) dan humor maladaptif (agresif dan



*self-defeating*). Selain itu, terdapat juga pengkaji yang mengkonsepsikan humor berdasarkan fungsinya yaitu humor *liberating* (mengubah perspektif lama kepada yang baru), humor *stress relieving* (membebaskan perasaan stres dalam diri) dan humor *controlling* (mengawal tingkah laku negatif yang berlebihan) (Lang & Lee, 2010).

Dalam kajian ini, humor didefinisikan sebagai apa-apa jenis tingkah laku lucu atau lawak jenaka yang cenderung dilakukan oleh pekerja di tempat kerja. Terdapat empat gaya tingkah laku humor yang telah dikenal pasti oleh Martin *et al.* (2003) dan diaplikasikan dalam kajian ini iaitu humor afiliatif, *self-enhancing*, *self-defeating* dan agresif.

- **Humor afiliatif** merujuk kepada kecenderungan pekerja untuk menghiburkan orang lain dan melakukan jenaka dengan tujuan memperbaiki hubungan interpersonal. Ianya meliputi aktiviti seperti bercerita atau mengeluarkan kata-kata yang lucu, ketawa bersama rakan sekerja dan membuat lawak dengan cara melakukan tindakan spontan.
- **Humor *self-enhancing*** merujuk kepada kecenderungan pekerja untuk mengekalkan pandangan lucu dengan berfikir sesuatu perkara atau kejadian lepas yang melucukan. Ianya dilakukan untuk mencerikan dan menghiburkan diri sendiri ketika berhadapan dengan stres.
- **Humor agresif** merujuk kepada kecenderungan pekerja untuk menjadikan orang lain sebagai bahan jenaka. Ianya merupakan jenaka yang mengandungi kata-kata cemoahan, sindiran, ejekan, kritikan atau penghinaan yang boleh menyakiti hati orang lain.
- **Humor *self-defeating*** merujuk kepada kecenderungan pekerja menjadikan diri sendiri sebagai bahan jenaka. Ianya meliputi tindakan merendahkan diri sendiri atau bercakap perkara lucu mengenai kelemahan diri sendiri ketika berjenaka.

## **1.10 Rumusan**

Dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan, objektif, skop dan definisi kajian. Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti peranan humor sebagai penyederhana ke atas hubungan antara faktor stres kerja dan kesetiaan organisasi, serta peranan kesetiaan organisasi sebagai pengantara dalam hubungan antara faktor stres kerja dan keinginan berhenti kerja. Bab seterusnya iaitu Bab 2 akan menjelaskan mengenai latar belakang teori dan model yang berkait dengan pemboleh ubah kajian, pembentukan model reka bentuk kajian dan hipotesis kajian. Bab 3 pula akan menerangkan mengenai metodologi kajian yang meliputi aspek seperti reka bentuk kajian, populasi, persampelan, instrumen kajian dan kaedah analisis data yang digunakan. Seterusnya, Bab 4 akan menjelaskan mengenai dapatan kajian dengan berdasarkan objektif dan hipotesis kajian. Akhir sekali, Bab 5 akan membincangkan dapatan kajian dengan lebih terperinci, serta menjelaskan implikasi kajian, limitasi dan cadangan kajian untuk pengkaji akan datang.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. H. (2013). Majlis amanat Yang Berbahagia menteri: Kementerian Kesihatan Malaysia. Diperolehi 20 Ogos 2014 daripada <http://www.moh.gov.my/index.php/search/results>
- Abel, M. H. (1998). Interaction of humor and gender in moderating relationships between stress and outcomes. *Journal of Psychology, 132*(3), 267-276.
- Abidin, E. Z., & Ismail, N. H. (2006). Kajian stres pekerjaan dan penggunaan strategi daya tindak di kalangan jururawat terlatih yang berkhidmat di wad medikal dan surgikal Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Community Health, 15*(1).
- Abubakar, R. A., Chauhan, A., & Kura, K. M. (2014). Role of demographic variables in predicting turnover intention among registered nurses in Nigerian public hospitals. *International Journal of Business and Technopreneurship, 4*(3), 373-383.
- Adamle, K. N., & Ludwick, R. (2005). Humor in hospice care: who, where and how much? *American Journal of Hospice and Palliative Medicine, 22*, 287-290.
- Adams, J. S. (1965). Inequity in social exchange. In L. Berkowitz (Ed.), *Advance in Experimental Social Psychology* (Vol. 2, pp. 267-299). New York: Academic Press.
- Adams, J. S. (1963). Toward an understanding of inequity. *Journal of Abnormal and Social Psychology, 47*, 422-436.
- Adebayo, S. O., & Ogunsina, S. O. (2011). The influence of supervisory behavior and job stress on job satisfaction and turnover intention of police personnel in Ekiti State. *Journal of Management and Strategy, 2*(3).
- Adkins, A. (2016). Millennials: The job-hopping generation. *Business Journal*. Retrieved 25 November 2016, from <http://www.gallup.com/corporate/177680/gallup.aspx>
- Aftab, H., & Javeed, A. (2012). The impact of job stress on the Counter-productive Work Behavior (CWB): A case study from the financial sector of Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in business, 4*(7), 590-604.

- Ahanian, E., Mirzaei, A., & Fard, A. S. (2016). The study of correlation between job stress and turnover intentions among the operating room nurses in selected hospitals of Tehran University of Medical Science. *Acta Medica Mediterranean*, 32, 1045-1050
- Ahmad, A., & Afgan, S. (2016). The Relationship of Job Stress and Turnover Intention in Commercial Banks of Pakistan by Assessing the Mediating Role of Burnout. *Journal of Business Strategies*, 10(1), 1.
- Ahmad, O. (1997). *Hubungan diantara kualiti kehidupan kerja dan kesetiaan kepada organisasi di kalangan kakitangan sokongan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Ahuja, M. K., Chudoba, K. M., Kacmar, C. J., McKnight, D. H., & George, J. F. (2007). IT road warriors: balancing work-family conflict, job autonomy and work overload to mitigate turnover intention. *Management Information Systems Quarterly*, 31(1), 1-17.
- Aiken, L. S., & West, S. G. (1991). *Multiple regression: testing and interpreting interaction*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Aityan, S. K., & Gupta, T. K. P. (2012). Challenges of employee loyalty in corporate America. *Business and Economics Journal*, 3, 1-13.
- Al-Aameri, A. S. (2000). Job satisfaction and organizational commitment of nurses. *Saudi Medical Journal*, 21(6), 531-535.
- Al-Dubai, S. A. R., & Rampal, K. G. (2012). Psychological morbidity and sources of job stress among doctor in Yemen. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 13(1), 123.
- Allen, K. (2011). Stress now commonest cause of long-term sick leave – report . The Guardian News.
- Allison, P. D. (1977). Testing for interaction in multiple regression. *American Journal of Sociology*, 83(1), 144.
- Al-Ma'ani, A. I. (2013). Factors affecting the organizational loyalty of workers in the Jordanian commercial banks. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in business*, 4(12), 878-896.
- Alsaqri, S. H. (2014). *A survey of intention to leave, job stress, burnout, and job satisfaction among nurses employed in the Ha'il region's hospitals in Saudi Arabia* (Doctoral dissertation, RMIT University Melbourne Australia). Retrieved from <https://researchbank.rmit.edu.au/eserv/rmit:160699/Alsaqri>.
- Alter, D. E. (2013). Stress in the workplace: A growing and costly epidemic. Retrieved 20 November 2015, from <http://www.thesuitmagazine.com/top-stories/22025-stress-in-the-workplace-a-growing-and-costly-epidemic.html>

- Al-Zu'bi, H. (2014). Organizational behavior: What is organizational loyalty? Retrieved 3 July 2014, from [http://www.researchgate.net/post/What\\_is\\_organizational\\_loyalty](http://www.researchgate.net/post/What_is_organizational_loyalty)
- Ambotang, A. S., & Hashim, M. H. M. (2010). Hubungan iklim kerja dan stres dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru prasekolah. *Journal of Techno Social*, 2, 69-81.
- Andele, S. (2017). Intervening variable (mediating variable). Retrieved 27 July 2017 from [www.statisticshowto.com](http://www.statisticshowto.com).
- Anonymous. (1996). Organizational loyalty is not the answer. *Managing Office Technology*, 41(1), 30.
- Anton, C. (2009). The impact of role stress on workers' behavior through job satisfaction and organizational commitment. *International Journal of Psychology*, 44(3), 187-194.
- Antonova, E. (2016). *Occupational stress, job satisfaction, and employee loyalty in hospitality industry: a comparative case study of two hotels in Russia*. (Doctoral thesis, International Tourism, Modul University Vienna, Austria). Retrieved from <https://www.modul.ac>.
- Antonovsky, A. (Ed.). (1979). *Health, stress and coping*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Appiah, S. A. (2008). *Organizational climate and turnover in the health sector. The case of the Korle-Bu teaching hospital in Ghana*. (Doctoral thesis, University of Waterloo, Ontario, Canada). Retrieved from <https://uwspace.uwaterloo.ca>.
- Applebaum, D. H. (2008). *The Relationship between Physical Work Environmental Factors, Perceived Stress, Job Satisfaction and Turnover Intention among Inpatient Acute Care Nurses* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3323284).
- Arai, K. (1995). Organizational loyalty: A preliminary study. *Hitotsubashi Journal of Economics*, 36, 21-32.
- Arshadi, N., & Shahbazi, F. (2013). Workplace characteristics and turnover intention: Mediating role of emotional exhaustion. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 84, 640-645.
- Arshad, R., & Sparrow, P. (2010). Downsizing and survivor reactions in Malaysia: Modelling antecedents and outcomes of psychological contract violation. *The International Journal of Human Resource Management*, 21(11), 1793-1815.

- Atiqah, A. N., Norsiah, A., Khairy, A. D. A., & Akmaliah, A. K. (2010). Faktor pengekalan pekerja dalam firma di Malaysia. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia*, 9, 15-30.
- Atiyah, L. (2016). Product's Quality and Its Impact on Customer Satisfaction: A Field Study in Diwanayah Dairy Factor. Proceedings of the 10th International Management Conference. November 3rd-4th, 2016 in Bucharest, Romania.
- Avey, J. B., Luthans, F., Smith, R. M., & Palmer, N. F. (2010). Impact of positive psychological capital on employee well-being over time. *Journal of Occupational Health Psychology*, 15(1), 17-28.
- Avey, J. B., Luthans, F., & Jensen, S. M. (2009). Psychological capital: A positive resource for combating employee stress and turnover. *Human resource management*, 48(5), 677-693.
- Ayalew, F., Kols, A., Kim, Y. M., Schuster, A., Emerson, M. R., Roosmalen, J. V., et al. (2015). Factors affecting turnover intention among nurses in Ethiopia. *World Health and Population*, 16(2), 62-74.
- Ayub, N., Bahari, F., & Baco, B. S. (2008). *Burnout* dan komitmen terhadap organisasi di kalangan jururawat hospital. *Jurnal Kemanusiaan*, 12, 73-86.
- Azagba, S., & Sharaf, M. F. (2011). The effect of job stress on smoking and alcohol consumption. *Health Economics Review*, 1(15).
- Azizi, Y. (2012). The relationship between the occupational stress, organizational commitment and job satisfaction with organizational citizenship behavior. *The Science Archives*, 65(3), 55-73.
- Aziz, N. N. A. (2006). *Niat ingin berhenti kerja: Kajian ke atas doktor dan jururawat hospital kerajaan di Negeri Sabah* (Mater's thesis, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu). Diperolehi daripada [eprints.ums.edu.my](http://eprints.ums.edu.my).
- Babad, E. (1974). A multi-method approach to the assessment of humor: A critical look at humor tests. *Journal of Personality*, 42, 618-631.
- Baba, I. (2012). Workplace stress among doctors in government hospitals: An empirical study. *International Journal of Multidisciplinary Research*, 2(5), 208-221.
- Bacharach, S. B., Bamberger, P. A., & Sonnenstuhl, W. J. (2002). Driven to drink: managerial control, work-related risk factors and employee problem drinking. *Academy of Managerial Journal*, 45, 637-658.

- Bailey, D. M. (2006). *The impact of job stress and job burnout on the job satisfaction of rehabilitation and counseling professionals* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses. (UMI No. 3216021).
- Baker, R., & Ibrahim, H. I. (2014). Tekanan kerja dalam organisasi kepolisian: Tinjauan dalam perspektif kecerdasan emosi. *Jurnal Kemanusiaan*, 23, 1-24.
- Baker, S. L. (2008). Non-linear regression. Health Services Policy and Management. Retrieved 10 November 2013 from <http://hsppm.sph.sc.edu/Courses/J716/pdf/716-5%20Nonlinear%20regression.pdf>
- Bakhtiar, M. F. S., Zamri, M. T., Hashim, N. I., Othman, Z., & Ismail, M. N. I. (2016). Workplace stress, organizational commitment and turnover intention: A case of Japanese in Malaysia. *Heritage, Culture and Society*, 197-201.
- Bakker, A. B. (2014). Job demands-resources model. Retrieved 13 August 2014 from <http://www.arnoldbakker.com/jdrmodel.php>
- Bakker, A. B., Demerouti, E., & Schaufeli, W. B. (2003). Dual process at work in a call center: an application of the Job Demands-Resources model. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 12, 393-417.
- Bakker, A. B., & Demerouti, E. (2007). The job demands-resources model: state of the art. *Journal of Managerial Psychology*, 22(3), 309-328.
- Balaban, S. (2011). *The effect of the organizational loyalty, work stress and work satisfaction on the work family conflict: A research on the workers of Bayrak Radio Television*. Northeastern University. Northern Cyprus.
- Ball, D., Coelho, P. S., & Machas, A. (2004). The role of communication and trust in explaining customer loyalty: an extension to the ECSI Model. *European Journal of Marketing*, 38(9), 1272-1293.
- Bano, B. (2011). *Job stress among police personnel*. Paper presented at the International Conference on Economics and Finance Research. IACSIT Press Vol.4. Singapore.
- Barnett, M. D. (2007). *Stress, burnout and employee turnover in a federal government acquisition department in Washington DC area* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses Database. (UMI No. 3299231).
- Barhem, B., Sidin, S. M., Abdullah, I., & Alsagoff, S. K. (2004). A new model for work stress patterns. *Asian Academy of Management Journal*, 9(1), 53-77.
- Barnett, R. C., & Brennan, R. T. (1995). The relationship between job experiences and psychological distress: a structural equation approach. *Journal of Organizational Behavior*, 16, 259-276.

- Barnett, M. D. (2007). *Stress, burnout and employee turnover in a federal government acquisition department in Washington DC area* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses Database. (UMI No. 3299231).
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, *51*(6), 1173-1182.
- Beck, C. T. (1997). Humor in nursing practice: a phenomenological study. *International Journal of Nursing Study*, *34*(5), 346-352.
- Becker, G. (1993). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education* (3rd ed). Chicago: The University of Chicago Press.
- Beehr, T. A., & Newman, J. E. (1978). Job stress employee health and organizational effectiveness: A facet analysis, model and literature review. *Personnel Psychology*, *13*, 665-699.
- Beermann, U., & Ruch, W. (2009). How virtuous is humor? Evidence from everyday behavior. *Humor* *22*(4), 395-417.
- Behar, M. E., Karninski, M., Peigne, E., Bonner, N., Vaichere, E., Gozlan, C., et al. (1990). Stress at work and mental health status among female hospital workers. *British Journal of Industrial Medicine*, *47*, 20-28.
- Bellert, J. L. (1989). Humor: a therapeutic approach in oncology nursing. *Cancer Nursing*, *12*(2), 65-70.
- Bernard, H. R. (2011). *Research methods in Anthropology: qualitative and quantitative approach*. United Kingdom: AltaMira Press.
- Besser, A., Luyten, P., & Mayes, L. C. (2012). Adult attachment and distress: the mediating role of humor styles. *Individual Differences Research*, *10*(3), 153-164.
- Bhatia, N., Kishore, J., Anand, T., & Jiloha, R. C. (2010). Occupational stress amongst nurses from two tertiary care hospitals in Delhi. *Australasian Medical Journal*, *3*(11), 731-738.
- Bhattacharyya, D. K. (2009). *Research methodology* (2nd ed.). New Delhi: Excel Books India.
- Bhatti, N., Hashmi, M. A., Raza, S. A., Shaikh, F. M., & Shafiz, K. (2011). Empirical analysis of job stress on job satisfaction among university teachers in Pakistan. *International Business Research*, *4*(3), 264-270.



- Bhui, K. S., Dinos, S., Stansfeld, S. A., & White, P. D. (2012). A synthesis of the evidence for managing stress at work: A review of the reviews reporting on anxiety, depression and absenteeism. *Journal of Environmental and Public Health*, 2012(1).
- Bickerstaff, L. (2007). *Stress: coping in a changing world*. The Rosen Publishing Group.
- Bickerstaff, L. (2008). *Stress: coping in a changing world*. ReadHowYouWant.com.
- Black, J. E. (2011). *Test of a clinical model of poor physical health and suicide: the role of depression, psychosocial stress, interpersonal, conflict and panic* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3478921).
- Blane, A. (2005). Humor and leadership. *Journal of Organizational Culture, Communications and Conflict*, 9, 137-144.
- Blaug, R., Kenyon, A., & Lekhi, R. (2007). *Stress at work: a report prepared for the work foundation's principal partners*. London: The Work Foundation.
- Blau, P. M. (1964). *Exchange and power in social life*. New York: Wiley.
- Blau, P. M. (1986). *Exchange and power in social life* (2nd printing). New Brunswick, New Jersey: Transaction Books.
- Bleedorn, B. B. (1982). Humor as an indicator of giftedness. *Roeper Review*, 4(4), 33-34.
- Blewett, V., Shaw, A., LaMontagne, A. D., & Dollard, M. (2006). *Job stress: Cause, impact and interventions in the health and community services sector*: University of South Australia. WorkCover NSW.
- BLS. (2014). Job openings and labor turnover achieved new release. Retrieved 01 March 2014 from [http://www.bls.gov/schedule/archives/jolts\\_nr.htm](http://www.bls.gov/schedule/archives/jolts_nr.htm)
- Boonkuna, T. (2012). *Job stress, coping strategies and perceived health status among Thai female home-based workers* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses. (UMI No. 3551372).
- Borysenko, K. (2015). What was management thinking? The high cost of employee turnover. *Talent Management and HR*. Ere Media.
- Boyas, J., Wind, L. H., & Kang, S. Y. (2012). Exploring the relationship between employment-based social capital, job stress, burnout and intent to leave among child protection workers: an age-based path analysis model. *Children and Youth Services Review*, 34(1), 50-62.

- Breukelen, G. J. P., & Candel, M. J. J. M. (2012). Calculating the sample sizes for cluster randomized trials: we can keep it simple and efficient! *Journal of Clinical Epidemiology*, *65*(11), 1212-1218.
- Brinkmann, R. (2005). *Internal termination if the job is for facade*. Munich: C.H. Beck.
- Brown, J. (2014). Cross-product terms and interactions. *Linear Models in Matrix Form*, 303-340.
- Brown, S., McNabb, R., & Taylor, K. (2007). Firm performance, worker commitment and loyalty. *Sheffield Economic Research Paper Series*, *5*, 2-35.
- Brown, S., McHardy, J., McNabb, R., & Taylor, K. (2011). Workplace performance, worker commitment and loyalty. *Discussion Paper Series*, 2-36.
- Bryman, A. (2004). *Social research method (2nd ed)*. New York: Oxford University Press.
- Buchanan, B. (1974). "Government managers, business executives and organizational commitment". *Public Administrative Review*, *34*, 339-347.
- Buijzen, M., & Valkenburg, P. M. (2004). Developing a typology of humor in audiovisual media. *Media Psychology*, *6*(2), 147-167.
- Burke, R. J. (1988). Sources of managerial and professional stress in large organisations. In C. L. Cooper and R. Payne (Eds); *Cause, coping and consequences of stress at work*. Chichester: Wiley.
- Burke, W. S. (2005). *Exploratory study of organizational loyalty: Comparison between senior executives and employee views* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses. (UMI No. 3213225).
- Butler, G. (1993). Definitions of stress. *Occasional paper (Royal College of General Practitioners)*, *6*(1), 1.
- Butler, S. S., Ing, M. B., Wardamasky, S., & Ashley, A. (2014). Determinants of longer job tenure among home care aides: What makes some stay on the job while others leaves. *Journal of Applied Gerontology*, *33*(2), 164-188.
- Canadian Association of Occupational Therapists. (1991). *Occupational therapy guidelines for client-centered practice*. Toronto, ON: CAOT Publications ACE.
- Cann, A., Norman, M. A., Welbourne, J. L., & Calhoun, L. G. (2008). Attachment styles, conflict styles and humor styles: interrelationships and associations with relationship satisfaction. *European Journal of Marketing*, *22*, 131-146.

- Capps, D. (2006). The psychological benefits of humor. *Pastoral Psychology*, 54(5), 393-411.
- Carayon, P., Schoepke, J., Hoonakker, P. L. T., Haims, M. C., & Brunette, M. (2006). Evaluating causes and consequences of turnover intention among it workers: the development of a questionnaire survey. *Behavior and Information Technology*, 25(5), 381-397.
- Carrica, J. L. (2009). *Humor styles and leadership styles: community college presidents* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses database. (UMI No. 3400987).
- Cascio, T., & Martin, L. L. (2011). *House and psychology: Humanity is overrated*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Catarivas, M. G., Ferber, S. G., Azuri, Y., Vinker, S., & Kahan, E. (2015). Use of humour in primary care: different perceptions among patients and physicians. *Postgraduate Medical Journal*, 81, 126-130.
- Chang, S. I. (2008). Work role stressors, commitment and turnover intentions: a study of IT Personnel in South Korea. *Journal for Personal Research*, 22(3), 272-290.
- Chang, C. K., & Lu, L. (2007). Characteristics of organizational culture, stressors and well-being: The case of Taiwanese organizations. *Journal of Managerial Psychology*, 22, 549-568.
- Chapman, A. J., & Foot, H. C. (1976). *Humor and laughter: theory, research and applications*. London: Wiley.
- Chaturvedi, V. (2010). A study of organizational loyalty among employees in service industry: A study with reference to selected service industries in Faridabad. *i-manager's Journal on Management*, 5(3), 30-37.
- Chen, J. C., Silverthorne, C., & Hung, J. Y. (2005). Organization communication, job stress, organizational commitment and job performance of accounting professionals in Taiwan and America. *Leadership and Organization Development Journal*, 27(4), 242-249.
- Cheng, L. C. (2004). *The influence of human resource management practice on the retention of core employees of Australian organizations: an empirical study* (Unpublished Doctoral Dissertation). Murdoch University, Perth, Australia.
- Cheng, M. N. (2008). *Job stress, self-efficacy, burnout and intention to leave among kindergarten teachers in Taiwan* (Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses. (UMI No. 3323285).

- Cheng, Y., Luh, W. M., & Guo, Y. L. (2003). Reliability and validity of the Chinese version of the Job Content Questionnaire in Taiwanese workers. *International Journal of Behavioral Medicine, 10*(1), 15-30.
- Chen, M. L., Su, Z. Y., Lo, C. L., Chiu, C. H., Hu, Y. H., & Shieh, T. Y. (2014). An empirical study on the factors influencing the turnover intention of dentists in hospitals in Taiwan. *Journal of dental sciences, 9*(4), 332-344.
- Chen, Y. C., & Lin, S. (2013). Modeling internal marketing and employee loyalty: A quantitative approach. *Asian Social Science, 9*(5), 99-109.
- Cheung, C. K., & Yue, X. D. (2012). Sojourn students' humor styles as buffers to achieve resilience. *International Journal of Intercultural Relations, 36*, 353– 364.
- Chiarello, M. A. (2010). Humor as a teaching tool: use in psychiatric undergraduate nursing. *Journal of Psychosocial Nursing, 48*(8), 35-43.
- Chiang, Y. M., & Chang, Y. (2012). Stress, depression and intention to leave among nurses in different medical units: Implications for healthcare management or nursing practice. *Health Policy, 108*, 149-157.
- Chiu, C. K., Chien, C. S., & Hsiao, C. Y. (2005). Understanding hospital employee job stress and turnover intentions in a practical setting. *Journal of Management Development, 24*(10), 837-855.
- Chiu, Y. L., Chung, R. G., Wu, C. S., & Ho, C. H. (2009). The effects of job demands, control and social support on hospital clinical nurse intention to turnover. *Applied Nursing Research, 22*, 258-263.
